

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 11 JULAI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	PEKEBUN DIGESA BERI DATA TANAMAN DURIAN, SINAR NEGERI, SH -40 SWEET DEALS FOR DURIAN LOVERS, FEATURE, STAR METRO -12	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	TERENGGANU MAHU ERAM TELUR PENYU BELIMBING PAPUA NEW GUINEA, NEGARA, KOSMO -15 BAHAYA AKTIVITI PENGEBOMAN IKAN, SUARA SINAR, SH -16 BOM IKAN: PPM PERLUAS OPERASI, NASIONAL, SH -22 TIGA BOT ASING DITAHAN, DALAM NEGERI, UM -10 IKAN NAK PUPUS, MUKA DEPAN, HM -1 USAH SAMPAI KEMPUNAN, SETEMPAT, HM -12 HANYA 50% IKAN MENDARAT DI MALAYSIA, SETEMPAT, HM -13 TUNGGU LAPORAN, SETEMPAT, HM -14 HIDU TAKTIK 3 BOT KLON, SETEMPAT, HM -14 TLDM TAHAN PENCEROBOH, SETEMPAT, HM -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13. 14.	SISTEM PENGALIRAN TERSIER ATASI 'BENDANG TERMENUNG', NEWS, HM (UTARA) -26 SISTEM PENGALIRAN TERSIER SIAP OKTOBER, BERITA, BH (UTARA) -70	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
15.	HARVESTING GRAINS OF APPRECIATION, EVENTS, STARMETRO -7	PADIBERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS)
16. 17. 18. 19. 20. 21.	'SUDAHLAH DIPOTONG, PEMBERIAN PULA LAMBAT', DALAM NEGERI, UM -43 JUAL DURIAN GUNA KONSEP COD, NEGARA, KOSMO -13 BUFET DURIAN DUSUN BOK 8000, K2, KOSMO -19 NIKMATI RAJA BUAH SEPUASNYA, K2, KOSMO -20 DUSUN DURIAN SEBAGAI PRODUK PELANCONGAN, K2, KOSMO -21 KEM BIMBING ANAK MUDA 'KENALI' PERTANIAN, K2, KOSMO -22	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI	40

Pekebun digesa beri data tanaman durian

BERUAS - Jabatan Pertanian Perak mengumpul data tanaman durian yang terdapat di negeri ini sejak 2018 bagi mendapatkan data pengeluaran dengan tepat.

Pengarah Jabatan Pertanian Perak, Nor Sam Alwi berkata, pihaknya memerlukan kerjasama semua pekebun durian supaya memberikan data tanaman durian dapat direkodkan pihaknya.

"Jabatan Pertanian Perak menjalankan usaha inventori tanaman durian, kita nak tahu setiap tuan durian ada berapa bilangan pokok durian mereka termasuklah durian kampung dan klon.

"Ini kerana kita boleh menjangkakan pengeluaran dihasilkan berdasarkan umur pokok dalam memastikan perak kekal menjadi antara pengeluar durian terbesar di negara ini," katanya kepada media di Beringin Fruit Valley Kampung Dendang, Beruas baru-baru ini.

Menurut Nor Sam setakat ini Jabatan Pertanian Perak merekodkan 76,163 pokok durian di seluruh negeri melibatkan keluasan tanaman 1,400 hektar.

"Secara keseluruhan terdapat 4,936 hektar tanaman durian di negeri ini dan kita hanya dapat rekod bilangan pokok daripada 1,400 hektar tanah sahaja, jadi saya menjangkakan jumlah ini akan menjadi lebih," katanya.



Ahmad Razali (left) and Relau Agrotourism Park supervisor Firdaus Abdul Lahak checking the low hanging D15 durian that have yet to drop at the park in Relau, Penang. — Photos: CHAN BOON KAI/The Star

Most of the cloned durian have fallen and the fruits still on the trees are mostly of the D15 variety.

The Durl Landak clone is bristling with long, ultra-sharp thorns that curve at the darkened tips.



Sweet deals for durian lovers

King of Fruits selling for as low as RM2 per kilo at park in Relau

By ARNOLD LOH
arnold.loh@thestar.com.my

FRESH cloned durian at just RM5 per kilo and high-quality kampung durian at just RM2 per kilo.

It is Penang's best kept durian secret: buying good durian straight from the Penang Agriculture Department at prices no commercial stall will give.

The department has over 220 durian trees of about 40 species.

Mostly planted between 1986 and 1990, the trees are nurtured for the sake of keeping a durian gene bank and also for research.

Deputy Agriculture and Agro-based Industry Minister Sim Tze Tzin recently expressed pride that despite the scarcity of land on Penang island, the department has been able to build a durian gene bank.

When durian season comes, the harvest from this gene bank is sold to the public.

"We have Ang Heh, Hor Lor, D15, D101, D10, D11, D24, 500, 808 and even the ones which are not yet officially listed as clones such as Kacang Hijau and Alskrin," said the island's area agriculture officer Ahmad Razali Abdul Razak.

He assured that all these wondrous varieties are sold by the department at a flat rate of just RM5 per kilo.

At durian stalls, such clones are sold at between RM20 and RM45 per kilo.

Ahmad Razali said the durian are sold from about 10am to noon at the department's Relau Agrotourism Park.

"Sometimes, so many people come that we have to limit the sales to 5kg per person so that everyone can go home with some of our durian," he said.

The orchard has yet to have any Musang King or Black Thorn.

"Those are new clones. The department's trees were planted in 1986 and some of the clones here are so old that we don't have official names for them," said Ahmad Razali, adding that clones from all over the country were brought to Penang to be planted here back then.

When the state government has a durian event to host, the department will not sell the durian to the public and reserve the fruits for such events.

Ahmad Razali said buyers usually drop by at around 10am daily to see if the department had any for sale.

And if all durian look the same to you,



A D24 durian has a teeny-weeny thorn surrounded by a cluster of four large thorns as shown by the knife tip.

Ahmad Razali shared one tip on how to recognise a D24 clone.

"All around the D24 shell, you will find clusters of four large thorns surrounding a single teeny-weeny thorn," he said.

When you find many clusters of four-long-one-short thorns, you can be sure you are holding a D24 durian, he guaranteed.

To show the stark contrast, Ahmad Razali showed an old Perak clone called Durl Landak (Porcupine Thorns).

This variety sports long, vicious-looking thorns that curve at the end of the darkened tips.

Ahmad Razali offered another durian tip: If you ate the best Musang King you ever tasted, and want to plant its seed on your land to get the fruit, forget it.

"You will either end up with kampung durian, or inferior half Musang King fruits, and it will take many years for such a tree to flower," he said.

But if you have a kampung durian tree on your land, the Agriculture Department can help you to have the tree cut down and then graft the stem of a Musang King onto it.

Then you might get your personal, true-blue Musang King tree in three to four years.

This method, he said, was ideal because the root system of the hardy kampung durian tree would provide the best possible nutrients to the grafted stem.

Ahmad Razali explained that all cloned durian trees are created using the stem grafting method because that is how the original genetics of famous clones are preserved.

LUMBERMART[®]
Solid Timber Flooring



Revitalise To Maximise Their Lifespan

From minor scratches to severe problems, from renewal to repair services, our 13 years of experience is your reliable solution. Powered by Bona's Dust Containment System, Lumbermart's professional refurbishment service - Vedkare - ensures you a dust-free floor rejuvenation.

For a refreshed experience, call us today for a free consultation and an array of services tailored to your needs.

Refresh | Renew | Rejuvenate | Retouch

Hurry!
Call us now for a
special reward*
from Lumbermart



LUMBERMART Sdn Bhd (INCORPORATED)
2, Jalan Tebinggati 2/1, Selayang Science Park 1,
Muda Damansara 47810 PA, Selangor, Malaysia
T 603 8141 1888 www.lumbermart.com.my

Lumbermart recommends Bona
the modern floor care and maintenance

Bona
Floor care products

Vedkare
Floor care products

Terengganu mahu eram telur penyu belimbing Papua New Guinea



ZAWAWI (tengah) melepaskan anak-anak penyu pada Program Pelepasan Anak Penyu Bersama Komuniti di Pantai Paka dekat Dungun semalam.

DUNGUN - Jabatan Perikanan Terengganu merancang untuk membeli telur penyu belimbing dari luar negara bagi diaramkan untuk tujuan penetasan.

Pengarah Perikanan negeri, Zawawi Ali berkata, cadangan itu merupakan antara inisiatif yang mungkin diambil pihaknya bagi merangsang kehadiran semula penyu belimbing yang menjadi ikon Terengganu tersebut kembali mendarat untuk bertelur di negeri itu.

"Kita bercadang untuk membawa masuk telur penyu belimbing dari Papua New Guinea yang masih mencatatkan pendaratan tinggi haiwan reptilia ber-

kanaan untuk bertelur.

"Kali terakhir penyu belimbing yang menjadi ikon Terengganu mendarat di pantai negeri ini pula ialah pada tahun 2017," katanya selepas merasmikan program pelepasan lebih 1,684 ekor anak penyu agar di pantai Paka dekat sini semalam.

Program pelepasan anak penyu berkenaan yang turut disaksikan lebih 3,000 penduduk tempatan merupakan program tanggungjawab sosial korporat The Qamar Resort yang merupakan hotel penginapan di daerah ini.

Dalam pada itu, Zawawi berkata, cadangan untuk membawa masuk telur penyu belimbing dari Papua

New Guinea itu masih belum muktamad kerana ia perlu mengambil kira pandangan pakar termasuk saintis alam sekitar.

Sehubungan itu, katanya, satu seminar khas bagi membincangkan cadangan tersebut akan diadakan pada Oktober depan.

"Kita akan terima pakai pendapat yang akan dirumuskan pakar berhubung cadangan tersebut kelak.

"Antara isu yang dijangka dibangkitkan ialah kesesuaian ia dihantar merentasi negara kerana telur penyu belimbing sangat sensitif dan tidak akan menetas jika tidak diuruskan dengan cermat termasuk jika bergoyang," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2019	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	16

Bahaya aktiviti pengeboman ikan

PADA 5 Julai lalu, Malaysia dikejutkan dengan tragedi tiga penyelam maut dipercayai terkena bom ikan dalam kejadian di Pulau Kalapuan, Semporna, Sabah.

Kejadian itu benar-benar membuka mata kita bagaimana aktiviti pengeboman ikan bukan sahaja boleh mengancam nyawa pengebom sendiri tetapi juga nyawa orang lain yang tidak berdoşa.

Malah sebelum ini kita sudah biasa mendengar berita ada individu yang menjadi korban akibat kegagalan mereka mengendalikan bom ikan. Tetapi apa yang berlaku Jumaat lalu sememangnya perlu ada penguatkuasaan yang lebih tegas.

Berdasarkan laporan kelmarin, Pasukan Polis Marin menjelaskan sebanyak 30 tangkapan berka-itan bom ikan berjaya dilakukan dari Januari hingga Jun tahun ini.

Semua tangkapan tersebut disiasat di bawah kesalahan Akta Perikanan 1985 dan Akta Bahan Letupan 1957.

Melihat dalam skop yang holistik, aktiviti pengeboman ikan itu bukan sahaja membahayakan nyawa bahkan ia turut memberi kesan secara langsung kepada industri perikanan dan juga pelancongan.

Manakan tidak, akibat pengeboman ikan, ekosistem marin akan musnah dan pembiakan ikan akan terbantut.

Itu yang menyebabkan ikan semakin berkurangan disebabkan terumbu karang musnah serta memberi kesan kepada nelayan tempatan.

Begitu juga dengan industri pelancongan di mana bilangan pelancong akan berkurangan disebabkan mereka takut untuk melakukan aktiviti menyelam akibat ancaman bom ikan.

Oleh itu, bagi membendung aktiviti itu, pihak berkuasa perlu melakukan rondaan di kawasan yang kerap berlakunya pengeboman ikan selain menambah hukuman terhadap pesalah.

Selain itu, kerajaan juga perlu mewartakan lebih banyak lagi kawasan sebagai Taman Laut bagi melindungi habitat serta ekosistem marin daripada terus diancam aktiviti keselamatan.

Kesimpulannya, aktiviti pengeboman ikan adalah satu kesalahan yang amat serius di sisi undang-undang.

Malah pesalah juga boleh disiasat di bawah pelbagai akta atau seksyen kesalahan termasuklah Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	22

Bom ikan: PPM perluas operasi

KOTA KINABALU

- Pasukan Polis Marin (PPM) Sabah memperluaskan operasi sehingga ke pasar ikan untuk membanteras aktiviti menangkap ikan menggunakan bahan letupan.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali berkata, operasi tersebut memberi tumpuan terhadap peniaga yang menjual ikan dipercayai hasil daripada aktiviti menangkap ikan menggunakan bahan letupan.

"Operasi ini penting bagi menyekat rangkaian penjualan dan permintaan terhadap ikan ini sekitar bandar raya ini. Kita juga percaya bahawa jika sekiranya dapat mengesan dan menyekat rangkaian penjualan dan permintaan terhadap ikan bom ini, nescaya individu yang melakukan aktiviti pengeboman ikan ini tidak dapat menjual ikan bom tersebut di pasaran dan seterusnya aktiviti pengeboman ikan dapat dibendung pada peringkat awalnya," katanya dalam satu kenyataan semalam.

- *Bernamea*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10



SEBAHAGIAN nelayan warga Vietnam dan Thailand ditahan dalam Op Iman di Kuala Kemaman, Terengganu, baru-baru ini.

Tiga bot asing ditahan

KEMAMAN 10 Julai - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan tiga bot nelayan asing bersama nilai rampasan RM3 juta dalam Op Iman di Kuala Kemaman, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd. Rashid berkata, sebanyak 32 awak-awak serta tekong warga Vietnam dan dua awak-awak warga Thailand yang berada di dalam bot tersebut turut ditahan dalam operasi itu.

Menurutnya, tangkapan pertama dilakukan pada pukul 11.35 pagi pada kedudukan 131.4 kilometer dari Timur Laut Kuala Kemaman diikuti pukul 5.15 petang dan 5.55 petang pada jarak 187.2 kilometer.

"Semasa pihak kami melakukan pemeriksaan ke atas vesel tersebut, didapati tekong dan awak-awak gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Kesemua nelayan berusia 16 dan 59 tahun itu boleh didenda RM100,000 setiap seorang atau penjara sehingga dua tahun dan dilucutkan hak ke atas vesel berkenaan," katanya dalam sidang akhbar mengenai penahanan bot itu di Jeti Pangkalan

Maritim Kemaman, di sini hari ini.

Rashidilhadi memberitahu, ketiga-tiga vesel tersebut disyaki melakukan kesalahan mengikut Seksyen 15(1)(a), Akta Perikanan 1985 dan jika disabitkan kesalahan, tekong berkenaan boleh didenda RM1 juta atau penjara sehingga dua tahun.

"Nilai rampasan dianggarkan RM3 juta termasuk nilai tiga buah vesel, 2,600 kilogram ikan, peralatan menangkap ikan dan diesel 1,250 liter.

"Siasatan awal kami juga mempercayai bahawa ketiga-tiga bot ini menggunakan nombor pendaftaran tempatan bagi tujuan mengaburi mata pihak berkuasa," katanya.

Tambah Rashidilhadi, kes disiasat di bawah Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 kerana mencerooboh dan menangkap ikan tanpa lesen dan kebenaran Pengarah Perikanan Malaysia, Seksyen 8 (a) Akta Perikanan 1985 kerana bot beroperasi tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan dan juga Seksyen 6 (1)(c), Akta Imigresen kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri.

"Kesemua tahanan direman selama 14 hari sehingga 24 Julai ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2019	HARIAN METRO	MUKA DEPAN	1

Harian Metro

PORTAL BERITA PILIHAN **NO 1**

PP/7273/03/2013 [032008] RM 1.50

EDISI NASIONAL • KHAMIS 11 JULAI 2019 / 8 ZULKAEDAH 1440

EKSKLUSIF HM

- ▶ Stok ikan Semenanjung hanya tinggal **4.4 peratus**
- ▶ Sumber laut tidak sampai **30 tahun**
- ▶ **980,000 tan** metrik setahun hasil laut dicuri nelayan asing
- ▶ **RM3 bilion** hingga **RM6 bilion** lesap
- ▶ Hanya **50 peratus** hasil tangkapan didaratkan di Malaysia

IKAN NAK PUPUS

“Jika dilihat pada tahap eksploitasi, stok ikan di Semenanjung berada pada tahap merah dan memerlukan pemuliharaan segera”

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi

> 12,13&14

Skuad Khas Harian Metro
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Stok ikan dalam perairan Semenanjung Malaysia berada pada paras kritikal apabila biomassa sumber perikanan demersal semasa direkodkan hanya berbaki 4.4 peratus saja pada masa ini berbanding 60 tahun lalu.

Jabatan Perikanan menjangkakan stok ikan semakin menosot dan sumber hasil laut negara hanya mampu bertahan dalam tempoh kurang 30 tahun saja lagi jika keترس tidak ditangani dan dikawal dengan baik.

Ketua Pengarah Perikanan Datuk Munir Mohd Nawi berkata, kajian pentaksiran stok sumber perikanan di negara ini yang dijalankan pasukan penyeduk Jabatan Perikanan mencatatkan nilai biomassa bagi sumber demersal, pelagik, tuna dan udang hanya tinggal 1.8 juta tan metrik dengan taksiran nilai RM18.1 bilion.

"Dapatan ini diperolehi hasil kajian terakhir pada 2016 dan datanya masih terpakai hingga sekarang.

"Berdasarkan kajian itu, stok ikan demersal seperti spesies gelama, kerisi, lolong bara, udang dan sotong semakin menyusut daripada 473,345 tan metrik kepada 21,002 tan metrik saja.

"Berbeza dengan perairan Sabah, Sarawak dan Labuan pula, jumlah biomassa sumber ikan demersal mereka masih pada tahap kurang membimbangkan apabila mencatatkan kepadatan sumber demersal sebanyak 41.7 peratus," katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, Jabatan Perikanan sedang melaksanakan Pelan Pengurusan Perikanan (FMP) sebagai langkah pemuliharaan segera untuk mengatasi kemerosotan sumber selain kelestarian perikanan pada masa akan datang.

"Jika dilihat kepada tahap eksploitasi, stok ikan di Semenanjung Malaysia kini berada pada tahap merah dan memerlukan pemuliharaan segera.

"Dengan adanya FMP, setiap spesies ikan dan kawasan perairan mempunyai pelan strategik masing-masing antaranya pemuliharaan stok sumber perikanan, pengurusan perikanan mampan, khidmat nasihat teknikal untuk pembangunan kawasan marin dan lain-lain," katanya.

KOMPLIT KLON BOT

Usah sampai kempunan

■ Bekalan ikan di perairan Semenanjung Malaysia dijangka mampu bertahan 30 tahun saja lagi jika tak dikawal

STOK ikan demersal menyusut daripada 473,345 tan metrik kepada 21,002 tan metrik sojo berdasarkan hasil kajian.

Katanya, Akta Perikanan yang sedang dalam proses pindaan tahun ini boleh diguna pakai bersama Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 bagi menangani isu pencerobohan nelayan asing.

"Ini bukan isu baharu yang diperkatakan, malah kita sentiasa melakukan operasi penguatkuasaan di laut secara bersama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Pasukan Polis Marin bagi memantau dan mengawasi perairan negara.

"Malah kita tidak teragak-agak jika nelayan tempatan berkongkol dengan aktiviti menyalahi Akta Perikanan 1985, tindakan tegas termasuk



membatalkan lesen serta merta akan dilakukan sebagai pengajaran," katanya.

Munir berkata, pihaknya turut melaksanakan pelbagai tindakan proaktif termasuk mewujudkan Sistem Pas Keluar Masuk Vessel Laut Dalam (SPVC2) di empat

“Ini bukan isu baharu yang diperkatakan, malah kita sentiasa melakukan operasi penguatkuasaan di laut secara bersama dengan APMM, TLDM dan Pasukan Polis Marin bagi memantau dan mengawasi perairan negara”

Munir Mohd Nawi

pangkalan utama di seluruh negara bagi memastikan vessel laut dalam mendaratkan ikan mereka di negara ini.

"Pangkalan itu adalah Pelabuhan Lembaga Kemaajuan Ikan Malaysia (LKIM) Tok Bai, Pelabuhan

LKIM Kuantan, Pelabuhan LKIM Kuala Perlis, Pelabuhan Bersepadu Tanjung Manis, Sarawak.

"Selain itu, syarat pembaharuan lesen akan diperketatkan dengan penggunaan *Report Card* bagi vessel laut dalam serta turut akan melaksanakan penggunaan *Quick Response Code (QR)* dan *Radio Frequency Identification (RFID)* ke atas vessel laut dalam sebagai kaedah identifikasi dan pemantauan.

"Kita turut mengambil tindakan mengantung lesen, tidak membatalkan lesen atau membatalkan lesen vessel laut dalam yang melanggar syarat lesen vessel dan peralatan menangkap ikan," katanya.

Katanya, kerjasama serantau juga dilaksanakan untuk membanteras aktiviti penangkapan ikan secara

haram (*IUU fishing*) dan diperkukuhkan melalui platform bilateral dengan Vietnam dan Thailand.

"Apabila pencerobohan nelayan asing berlaku, kesannya bekalan ikan boleh berkurangan. Sudah pasti mereka tidak akan mendaratkan hasil tangkapan di pusat-pusat pendaratan ikan dalam negara.

"Apa yang berlaku sekarang adalah kesan daripada pencerobohan sejak sekian lama.

"Jika kegiatan ini berterusan untuk jangka masa panjang, stok ikan di laut semakin berkurangan dan menjurus kepada kemerosotan bekalan ikan negara, malah kemungkinan pada 2048 kita sudah tidak ada sumber ikan di laut," katanya.



Hanya 50% ikan mendarat di Malaysia

Kuala Lumpur: Dianggarkan 980,000 tan metrik hasil laut negara bernilai antara RM3 bilion hingga RM6 bilion hilang setiap tahun akibat dicuri nelayan asing.

Ketua Pengarah Perikanan Datuk Munir Mohd Nawi berkata, aktiviti pencerobohan nelayan asing yang agresif menyebabkan hanya 50 peratus ikan ditangkap di perairan negara diklatarkan di Malaysia.

Mendedahkan perkara itu Munir berkata, baki tangkapan sekitar perairan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia tidak dilaporkan, bermakna berlaku pencerobohan nelayan asing yang mencuri hasil laut negara.

Katanya, perairan negara kaya dengan hasil laut yang bernilai tinggi seperti gamat, sotong dan ikan yu kerap menjadi sasaran nelayan Vietnam.

"Boleh kata setiap kali pihak berkuasa negara melakukan tangkapan, ikan dan hasil laut jenis ini paling banyak ditemui dalam bot mereka.

"Kerjasama strategik Jabatan Perikanan giat dilakukan dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) bertujuan melaksanakan penguatkuasaan di laut.

"Melalui Sistem Pemantauan Vesel (VMS), kita berjaya mengesan 128 kapal asing menceroboh perairan Malaysia, sermanak dilakukan mendapati 43 peratus daripadanya adalah dari Vietnam," katanya kepada Harian Metro.

Munir berkata, mulai September 2017, Jabatan Perikanan tidak lagi mengeluarkan permit laut dalam untuk vesel perolehan luar negara termasuk dari Vietnam.

Terkini katanya, jabatan melaksanakan pembinaan vesel baharu di limbungan tempatan melalui pemodenan vesel.

"Begitu banyak aduan diterima daripada nelayan dan melalui pemantauan pusat FISHCOM jabatan

Perikanan di Putrajaya, kita juga menyalurkan maklumat jika ada vesel tempatan yang keluar dari perairan negara.

"Ia termasuk pencerobohan vesel nelayan asing melalui sistem satelit dan Sistem Pengesanan Automatik (AIS) kepada APMM khususnya untuk tindakan penguatkuasaan," katanya.

"Jabatan Perikanan turut melaksanakan Sistem Pas Keluar Masuk Vesel Laut Dalam (SPVCL) di empat pangkalan utama di seluruh negara bagi memastikan vesel-laut dalam mendaratkan ikan di jeri tempatan.

"Sistem pembaharuan lesen akan ditambah baik dengan penggunaan kad laporan bagi vesel laut dalam bagi memberi wawasan dan penalti ke atas prestasi pendaratan ikan, keaktifan alat MTU-VMS, ciri keaktifan vesel serta bilangan kesalahan yang dilakukan," katanya.

Katanya, jika didapati ada dalam kalangan nelayan tempatan bersekongkol dengan aktiviti menyalaui Akta Perikanan 1985 ini, pihak jabatan akan mengambil tindakan tegas termasuk membatalkan lesen nelayan terbabit.

"Statistik Jabatan Perikanan pada 2017 merekodkan sebanyak 433 kes vesel tempatan bertindak keluar dari perairan perikanan negara tanpa kebenaran.

"Sebanyak 259 kes atau 60 peratus kapal ini dikesan menuju ke Thailand, 168 kes (39 peratus) lagi ke Vietnam dan tiga kes (1 peratus) ke China dan Indonesia. Ini semua sudah diambil tindakan tegas oleh pihak jabatan.

"Tindakan tegas diambil adalah dengan melaksanakan program pemutihan vesel laut dalam bagi memastikan lesen diberikan kepada pengusaha benar-benar tulen dan mematuhi undang-undang serta prosedur pelesenan ditetapkan," katanya.




TAHAP EKSPLOITASI MENGIKUT TAHUN


Jumlah peratusan stok pada 1970an




Jumlah peratusan stok pada 1980an



Jumlah peratusan stok pada 1990an



Jumlah peratusan stok pada 2010an (semasa)



PETUNJUK 0 hingga 40 40 hingga 60 60 hingga 600



KOMPLOK KLON BOT

Tunggu laporan

■ Tindakan hanya diambil selepas siasatan rapi

Skuad Khas Harian Metro
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur:

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani masih menunggu laporan terperinci daripada Jabatan Perikanan sebelum mengambil tindakan selanjutnya terhadap pihak bersekolong dalam isu bot klon dan lesen alibaba membabitkan nelayan Vietnam.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, tindakan hanya akan diputuskan selepas meneliti segala maklumat aktiviti haram itu menerusi Jabatan Perikanan.

"Saya memang maklum berdasarkan pendedahan Harian Metro (HM) itu. Berdasarkan nombor pendaftaran vesel kita arahkan Jabatan Perikanan buat siasatan rapi untuk kenal pasti siapa pemilikinya

dan kesalahan dilakukan.

"Kita sudah ada peraturan dan akta semalam (kelmarin) pun baru diluluskan (Rang Undang-Undang Perikanan (Pindaan) 2019) jadi buat masa ini, saya tidak boleh buat keputusan berdasarkan hanya laporan (HM) saja.

"Nanti dapatkan siasatan itu saya akan telli barulah saya boleh kemukakan tindakan seterusnya. Undang-undang memang ada cuma cara mana kita nak bina (laksanakan) bergantung kepada hasil siasatan itu," katanya ketika ditemui Harian Metro di Parlimen di

sini, semalam.

Menjawab dakwaan penguatkuasaan lemah punca berlaku ketirisan, beliau meminta pihaknya diberi ruang untuk menyasat.

"Saya tidak sampai ke situ biar saya dapatkan maklumat itu dulu. Selepas itu, saya akan buat kenyataan lain," katanya.

Berdasarkan nombor pendaftaran vesel kita arahkan Jabatan Perikanan buat siasatan rapi untuk kenal pasti siapa pemilikinya dan kesalahan dilakukan"

Salahuddin



BOT nelayan Vietnam yang ditahan ketika merompak hasil negara.



Hidu taktik 3 bot klon

Chehau: Tiga bot klon nelayan Vietnam dikesan menggunakan nombor pendaftaran nelayan tempatan dari Kelantan dan Pahang bagi mengaburi mata pihak berkuasa ketika merompak hasil laut negara.

Taktik itu dihidu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan ditahan dalam Operasi membabitkan selkitar perairan negeri ini, Isnin lalu.

Pengarah APMM Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, pihaknya turut menahan 34 nelayan.

Menurutnya, ketiga-tiga bot terbahar menggunakan nombor pendaftaran KNF 7702, PAF 4578 dan PAF 4091 ditahan selkitar kawasan 73 hingga 104 batu nautika kawasan timur laut

Kuala Kemaman, bermula jam 11.35 pagi hingga 6 petang.

"Hasil pemeriksaan mendapati terdapat 32 nelayan Vietnam termasuk tekong berusia antara 16 hingga 59 tahun.

"Dua lagi yang ditahan adalah nelayan warga Thailand berusia 38 dan 47 tahun," katanya pada sidang media di Jeti APMM Kemaman di sini, semalam.

Rashidilhadi berkata, siasatan mendapati semua bot itu membawa 2.5 tan ikan campur dan satu tan ikan baji.

"Semua hasil tangkapan seperti bot, diesel sebanyak 1,250 liter dan peralatan menangkap ikan bernilai RM3 juta dirampas. Nelayan dan bot kemudian di bawa ke jeti ini petang semalam (kelmarin) untuk tindakan lanjut," katanya.

TLDM tahan penceroboh

Kuantan: Sebuah bot nelayan Vietnam menggunakan nombor pendaftaran tempatan ditahan ketika mengaut hasil laut negara pada kedudukan 57 batu nautika dari Pulau Tioman di sini, jam 7 pagi, semalam.

Timbalan Pengarah (Operasi) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pahang Kepten Maritim V Panmir Selvan berkata, bot nelayan itu ditahan KD Ganyang Tertera Laut Diraja Malaysia (TLDM) terbabit dalam satu latihan.

Beliau berkata, TLDM kemudiam menyerahkan bot dan tangkapan membabitkan tekong dan kru berusia 18 hingga 50 tahun kepada pihaknya.

"Bot berkenaan dikesan membawa hasil laut dianggarkan seberat hampir 100 kilogram (kg) dipercayai hasil aktiviti menangkap ikan di perairan negara.

"Kami tidak menolak kemungkinan hasil laut ini akan dibawa keluar dan dijual di negara asing pada harga lebih tinggi," katanya menerusi kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, secara keseluruhan rampasan bot, peralatan menangkap ikan dan hasil laut ditata dianggarkan bernilai RMI juta.

Katanya, kes disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah dan Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan di perairan Malaysia.



66

Semua jenayah ini berlaku atas sebab penguatkuasaan kita masih lemah. Jadi sekarang undang-undang sudah ada, betulkan penguatkuasaan. Isu perikanan ini isu dasar makanan negara jangan sampai esok mereka (Vietnam) eksport balik ikan kita kepada negara kita sendiri"

Mohd Stehar Abdullah (BN-Paya Besar)

66

Walaupun tambah kekuatan penguatkuasaan, kita tidak mampu kawal dan pantau perairan kita 24 jam sebab perairan kita luas dan besar.

Jadi, kerjasama serantau perlu ditingkatkan supaya satu mekanisme undang-undang dapat dicapai misalnya digariskan lokasi supaya kita sama-sama boleh tangkap ikan"

Wong Han Wai (PH-Bukit Bendera)



66

Ketulusan lesen kepada kapal laut dalam termasuk isu perikanan ini bukan hanya tanggungjawab Jabatan Perikanan, perlu digabungkan bersama agensi lain sebagai semak dan imbang pernohnan lesen vesel. Kita mahu satu mekanisme beberapa jabatan diberi kuasa sebelum proses permohonan itu dihentikan. Jangan terlalu mudah tuluskan, tengok juga latar belakang pemohon"

Ahmad Ramli Sulaiman (PAS-Sek)



66

Saya dapat maklumat dari negara jiran macam di Indonesia banyak kapal Vietnam ceroboh perairan mereka gunakan kapal berdaftar dari Malaysia. Ini satu perkara serius.

Pihak berkuasa kita memang bertungkus-lumus cuma mungkin kena pertingkatkan lagi memandangkan keupayaan nelayan laut dalam negara jiran memang mendahului kita, jadi kena mantapkan lagi kemampuan nelayan kita"

Nik Nazmi Nik Ahmad (PH-Setiawangsa)



66

Tambah baik aset lama, 30 tahun pun ada. Kebanyakan ada dari jabatan lain sudah tak mahu guma APMM (Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia) ambil sedangkan pemantauan di laut lepas perkhuaan aset dan kelengkapan elok serta terkini.

Jabatan Perikanan juga kena ada aset sendiri mudah buat pemantauan tanpa bergantung APMM semata-mata"

Che Abbas Hamid (PAS-Kemaman)



Headline	Sistem pengairan tersier atasi 'bendang termenung'		
MediaTitle	Harian Metro (Utara)		
Date	11 Jul 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4,701
Page No	26	Readership	14,103
Language	Malay	ArticleSize	175 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,157
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,471



Sistem pengairan tersier atasi 'bendang termenung'

Alor Setar: Situasi 'bendang termenung' dihadapi pesawah di Kampung Pulau Maharaja, Tunjang, Jitra disebabkan dua lokasi saliran air keluar (DO) tertimbus ketika pembinaan sistem pengairan tersier.

Ketua Cawangan Komunikasi Korporat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Mohd Hafizi Zakaria berkata, pembinaan sistem berkenaan bagi membolehkan bekalan dan saliran air disalurkan ke dalam sawah masih dijalankan, dan dijangka siap 30 Oktober depan.

Katanya, pihak kontraktor membina satu DO pada lokasi sedia ada dan satu lagi dalam masa terdekat kerana perlu menggerakkan jentera pembinaan yang digunakan di lokasi lain.

"Berlaku sedikit kelewatan akibat masalah ini, bagaimanapun, pihak kontraktor sudah membuat penyelesaian sementara dengan menyediakan pam untuk mengepam air keluar

semalam (kelmarin).

"Sebagai makluman lot berkenaan terbahagi kepada tiga petak kecil yang mana tuan tanah tidak memberikan kerjasama antara satu sama lain bagi menyalurkan air keluar pada satu lokasi yang sudah dibina.

"Jadi adalah menjadi satu lumrah jika pembinaan belum siap, akan ada perkara yang perlu diselesaikan, namun kontraktor terbabit perlulah mengekalkan status quo dan keadaan sedia ada," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Hafizi berkata, kontraktor akan membina struktur pada tali air bagi menyelesaikan masalah bekalan air ke sawah.

Katanya, MADA bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Muda serta Bahagian Pengairan Saliran Pertanian (BPSP) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan kontraktor akan berusaha menyelesaikan masalah itu dalam masa terdekat.



PESAWAH, Azmi Mat Napiah, 57, menunjukkan sawahnya yang digenangi air di Kampung Pulau Maharaja, Tunjang, Jitra.

Headline	Sistem pengaliran tersier siap Oktober		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	11 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	2,802
Page No	70	Readership	8,406
Language	Malay	ArticleSize	219 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,039
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,116



Sistem pengaliran tersier siap Oktober

Jitra: Sistem pengaliran tersier di Kampung Pulau Maharaja, Tunjag di sini bagi membolehkan bekalan dan saliran air yang berkesan ke dalam sawah masih dalam pembinaan dan dijangka siap hujung Oktober depan.

Ketua Cawangan Komunikasi Korporat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Mohd Hafizi Zakaria, berkata 'bendang termenung' berpunca daripada dua lokasi saliran air keluar (DO) sedia ada di lot terbabit tertimbus sewaktu pembinaan.

Katanya, pihak kontraktor sudah membina satu DO di lokasi sedia ada dan satu lagi dalam masa terdekat kerana perlu mobilisasi jentera pembinaan yang digunakan di lokasi lain.

"Berlaku sedikit kelewatan akibat



Sebagai makluman lot berkenaan

terbahagi kepada tiga petak kecil di mana tuan tanah tidak memberikan kerjasama bagi mengalirkan air keluar pada satu lokasi yang sudah dibina.

Mohd Hafizi Zakaria
Ketua Cawangan Komunikasi Korporat MADA

masalah ini. Bagaimanapun, pihak kontraktor sudah membuat penyelesaian sementara dengan menyediakan pam untuk mengepam air keluar semalam (kelmarin).

"Sebagai makluman lot berkenaan terbahagi kepada tiga petak kecil di mana tuan tanah tidak memberikan kerjasama bagi mengalirkan air keluar pada satu lokasi yang sudah dibina.

"Jadi adalah menjadi satu lumrah jika pembinaan belum siap, akan ada perkara yang perlu diselesaikan. Namun kontraktor terbabit perlulah mengekalkan status quo dan keadaan sedia ada," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Hafizi berkata kontraktor juga akan membina struktur pada tali air bagi menyelesaikan masalah bekalan air ke sawah.

Katanya, MADA bersama agensi lain iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Muda Bahagian Pengaliran Saliran Pertanian (BPSP) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta pihak kontraktor akan berusaha menyelesaikan masalah itu dalam masa terdekat.

BH sebelum ini melaporkan pesawah di Kampung Pulau Maharaja buntu apabila kira-kira 30 hektar sawah mereka dilanda pelbagai masalah perparitan teruasuk menjadi 'bendang termenung'.

Masalah yang dikatakan berpunca daripada projek pembinaan saliran bagi membaik pulih sistem pengaliran di kampung itu yang siap akhir tahun lalu menyebabkan mereka menanggung kerugian ribuan ringgit.



Ismail (second from left) and the management team enjoying durian at the Bernas 25th anniversary celebration. (Right) Guests helping themselves to mangosteen, rambutan and durian during the event. — Photos: RAJA FAISAL HISHAN/The Star

Harvesting grains of appreciation

Company celebrates 25th anniversary, pledges to guard industry's interest

By RUBY LIM
rbylim@thestar.com.my

THE corporate office of Padiberas Nasional Bhd (Bernas) in Glenmarie, Shah Alam, came alive with music and chatter as the company held a festive celebration for its 25th anniversary.

More than 1,500 guests attended the event, including representatives from the Agriculture and Agro-based Industry Ministry (MOA) as well as government agencies such as Department of Agriculture, Kemubu Agricultural Development Authority (Kada), Muda Agricultural Development Authority (Mada), Integrated

Agricultural Development Area (IADA), Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi), and the company's business partners and employees.

Guests were treated to a scrumptious spread, including a durian and mangosteen feast, while enjoying performances specially lined up for the occasion as others took the opportunity to catch up with old acquaintances.

Speaking at the event, Bernas managing director Ismail Mohamed Yusoff thanked all stakeholders for their efforts and support.

"The dedication and hard work

by over 1,100 Bernas employees is one of the fundamentals of the company's success.

"Also, it is because of the support from stakeholders such as MOA, relevant government agencies, farmers, factory operators and bumiputra rice wholesalers that we have achieved this milestone today," he added.

After more than two decades of developing the local padi and rice sector, Bernas pledged its commitment to continue guarding the interest of the industry.

Since its privatisation in January 1996, Bernas has fully taken over the social and commercial duties from the National Padi

and Rice Board (LPN) while the government manages policies and law enforcement.

LPN was established in 1971 to regulate the padi and rice sector in the country. To make the industry further sustainable, in 1994, the government corporatised Bernas and took over the role of LPN. Bernas was subsequently privatised two years later.

Ismail said, "The staple food supply will always be the company's top priority.

"In line with the privatisation agreement, Bernas will continue to uphold its responsibilities to the people in facilitating the industry's development.

"The privatisation has helped ease government spending and, at the same time, increased the efficiency and productivity of this industry," he added.

Additionally, the company will continue its post-harvest activities, including matters related to the farmers' well-being.

Bernas will be rolling out a nationwide roadshow this year, mainly in places in which it operates.

"Through such activities, we hope to spread the message to our stakeholders, especially farmers, that we appreciate them and they are the 'heroes' in maintaining our nation's food supply," he said.

11/7/2019

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

43

'Sudahlah dipotong, pemberian pula lambat'

ARAU 10 Julai - Sudahlah elaun sara hidup dipotong daripada RM300 kepada RM200, penyalurannya juga tidak menentu dan lambat.

Itu luahan para nelayan Kuala Sungai Baru di sini yang berharap kerajaan dapat menyalurkan bantuan tersebut seperti dahulu iaitu pada setiap pertengahan bulan.

Mereka yang berhadapan masalah pencerobohan nelayan asing sehingga menjejaskan pendapatan, dalam masa sama turut meminta agar elaun sara hidup nelayan kembali diberikan sebanyak RM300.

Nelayan, **Ibrahim Musa**, 60, berkata, semasa kerajaan lama, mereka menerima elaun sara hidup sebanyak RM300 tetapi kini sudah dipotong kepada RM200.

**IBRAHIM MUSA****JOHAN HASSAN****ABU BAKAR SAAD**

kilometer dari pantai berkenaan diceroboh oleh nelayan bot siput retak seribu.

Seorang lagi nelayan, **Johan Hassan**, 61, pula berharap kerajaan dapat mempertimbangkan untuk meningkatkan jumlah pemberian elaun sara hidup kepada RM300 seperti mana sebelum ini.

"Duit itu digunakan bukan untuk apa, hanya membeli barangan keperluan harian. Dalam sebulan, bukan setiap hari kami dapat turun ke laut dan pendapatan juga tidak menentu," katanya.

Abu Bakar Saad, 63, pula berkata, kehidupan nelayan kini susah dan berharap agar kerajaan dapat membela kebajikan golongan berkenaan terutamanya dengan memasukkan masalah pencerobohan nelayan asing.

kadang-kala pergi ke laut pulang dengan tangan kosong selain pendapatan bulanan pula hanya cukup-cukup makan antara RM500 dan RM600.

Situasi itu ditempuh oleh kira-kira 200 orang nelayan di Sungai Baru pada masa ini, apabila kawasan penangkapan ikan di zon A iaitu kira-kira 3.6

"Pemberian tersebut diberikan tidak menentu iaitu kadang-kala sehingga akhir bulan, bukannya pada pertengahan bulan secara konsisten seperti sebelum ini," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan rintihan nelayan Kuala Sungai Baru di sini yang

Dua gadis cipta kelainan pasarkan raja buah secara online

Jual durian guna konsep COD

KUALA TERENGGANU
 - Dua gadis dari Kuala Nerus yang mencipta kelainan dengan menjalankan perniagaan durian secara *cash on delivery* (COD) atau bayar selepas terima.

Berpegang kepada prinsip tiada istilah malu dalam berniaga, Zainur Saffi, 32, dan sepupunya, Nurul Atiqah Mohd. Adil, 25, tidak menyangka perniagaan yang dijalankan mendapat sambutan di luar jangkaan.

Menurut Zainur, idea untuk berniaga durian secara COD timbul selepas mendapati konsep jualan itu sentiasa mendapat sambutan masyarakat disebabkan kesibukan urusan seharian.

"Pada hari-hari biasa saya bekerja sebagai *runner* (penghantar barang), tetapi apabila tiba musim durian saya akan tolong bapa berniaga di sekitar Batu Finam.

"Disebabkan terlalu ramai peniaga durian pada tahun ini, saya serta Nur Atiqah terpaksa



ZAINUR (tiga dari kanan) dan Nurul Atiqah (tiga dari kiri) menyerahkan durian yang ditempah para pelanggan di Kuala Terengganu semalam.

memikirkan kaedah jualan lain yang lebih efektif bagi melariskan jualan dan dari situlah datangnya idea jualan COD," katanya ketika ditemui Bernama di sini semalam.

Zainur memberitahu, dia tidak menyangka perniagaan durian yang diusahakannya melalui laman sosial Facebook mendapat sambutan menggalakkan iaitu

antara 70 hingga 80 tempahan sehari dan mereka bekerja dari pukul 10 pagi hingga pukul 8 malam.

"Walaupun penat, pendapatan bersih yang diterima agak lumayan iaitu sekitar RM1500 sehari.

"Tahun-tahun sebelum ini saya hanya berniaga di gerai tepi jalan dan setiap hari jualan hanya sekitar 20 atau 30 longgok. Tetapi

INFO

Lima fakta menarik tentang durian



- Pokok durian boleh mencapai ketinggian sehingga 40 meter, jangka hayat hidup antara 80 hingga 150 tahun
- Buah durian biasanya berbentuk buai atau bulat membujur dan panjangnya antara 20 hingga 25 sentimeter
- Durian atau mana-mana buah pun tidak mengandungi kolesterol
- Seulas durian mempunyai satu hingga dua gram lemak dan ia bukan lemak tepu
- Antioksidan yang terkandung di dalam durian dapat melawan bakteria penyebab jerawat

dengan konsep perniagaan baharu ini, saya pernah menjual sehingga 100 longgok durian sehari yang dijual dengan harga RM35

selongkok," ujarnya.
 Mereka menjalankan penghantaran di sekitar Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Setiu dan Marang.

Selain itu, bagi memastikan kepuasan pelanggan, Zainur memberitahu, buah yang rosak boleh ditukar semula tanpa ada caj penghantaran tambahan walaupun hanya sebiji.

"Bekalan durian pelbagai jenis diperoleh setiap hari dari Segamat, Johor yang tiba dengan lori di sini pada waktu Subuh.

"Kami memang pastikan durian yang dijual adalah bekalan baharu kerana mahu menjaga kebajikan pelanggan dan yang penting mendapat keberkatan rezeki," jelasnya.

Kosmo! sebelum ini melaporkan seorang peniaga, Mohd. Izzuwani Ismail, 30, membuat kelainan dengan mengasingkan isi durian daripada kulit sebelum menjualnya kepada pelanggan pada harga RM25 sekilogram di gerainya di Batu 15, Jalan Sintok, Sintok.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2019	KOSMO	K2	19



RENCANA
UTAMA

LEBIH 400 biji buah durian gugur di Dusun Bok 8000 sehari.

TERDAPAT kira-kira 300 pokok durian kebun seluas 4 hektar di Dusun Bok 8000, Jitra, Kedah.



Nikmati raja buah sepuasnya

Menawarkan penjualan durian berkonsepkan bufet, Dusun Bok 8000 di Jitra, Kedah membolehkan pengunjung menikmati variasi lebih 10 jenis durian sepuas hati di dalam dusun itu dengan bayaran sebanyak RM50 seorang.

ISI durian mempunyai kelazatannya yang tersendiri.

SEBUT sahaja tentang raja bagi segala buah iaitu durian, pasti semua orang terbayangkan keenakan rasanya dengan bauan tersendiri yang boleh mengundang selera tidak terhingga.

Keenakan yang ada pada buah tersebut juga membuatkan Muhammad Fadzil Faiz Rusli, 33, bagaikan tidak senang duduk apabila tibanya musim durian. "Saya memang penggemar durian. Berbanding buah-buahan lain, durian ini mempunyai rasa yang sangat berbeza dan memberi kepuasan yang tersendiri kepada penggemarnya.

"Maka tidak hairanlah apabila tiba musimnya, saya akan pergi mencari buah ini untuk menikmatinya. Menghabiskan dua atau tiga biji durian untuk sekali makan tidak menjadi masalah kepada saya," katanya kepada K2 ketika ditemui di Jitra, Kedah baru-baru ini.

Tambah Muhammad Fadzil Faiz, buah durian memang enak tetapi yang sering menjadi masalah untuk menikmatinya ialah harganya yang terlalu mahal.

Kadangkala untuk sebiji durian harganya boleh mencapai



PENGUNJUNG yang hadir tidak melepaskan peluang untuk mengambil gambar di kawasan dusun.

sehingga RM30 hingga RM50 sebiji bergantung kepada jenis buah tersebut.

Muhammad Fadzil Faiz yang berasal dari Jitra mengakui harga durian itu adakalanya membuatkan dia berfikir berkali-kali untuk membeli raja buah tersebut.

Kerana teringin untuk menikmati keenakan durian, dia dan beberapa rakannya baru-baru ini telah

mengunjungi sebuah dusun durian di Felda Guar Napsai, Jitra iaitu Dusun Bok 8000.

Rakannya menyatakan bahawa buah-buah durian yang baru gugur dari pokok ada dijual di dusun tersebut.

"Pada mulanya kami ingin membeli buah ini secara timbang, tetapi pemilik dusun maklumkan mereka tidak

menjualnya secara timbang.

"Sebaliknya pemilik dusun menggunakan konsep bufet kepada pengunjung yang datang untuk menikmati durian di dusunnya. Dengan bayaran sebanyak RM50 seorang, kami dapat menikmati buah durian di dusun ini sepuasnya," katanya.

Suasana

Muhammad Fadzil Faiz menegaskan konsep bufet yang dilakukan oleh pemilik dusun itu amat bersesuaian bagi mereka yang ingin menikmati durian sebanyak-banyaknya.

Penjualan durian berkonsepkan bufet di dalam dusun seperti di Dusun Bok 8000 suatu yang jarang boleh ditemukan.

Di dusun tersebut, aneka durian ditawarkan seperti udang merah, D99, D88, monthong dan lain-lain.

Bagi seorang lagi pengunjung, Nurul Faizah Jusoh, 88, berkata, berada di bawah kaki bukit Dusun Bok 8000 juga mencetuskan suasana yang mendamalkan semasa menikmati durian di situ.

Kongsinya, selain boleh menikmati durian, pengunjung juga boleh mengelilingi kawasan dusun

itu dan melihat sendiri buah-buah durian yang masih melekat di dahan pokok.

"Pelbagai jenis durian boleh dinikmati. Durian di sini juga baik sekali isinya dan pemilikinya tidak kekak untuk menukar buah yang baharu jika ada isinya yang kurang elok.

"Bagi penggemar durian di utara Semenanjung khususnya di negeri Kedah, dusun ini merupakan tempat yang seharusnya anda kunjungi untuk menikmati durian sepuas-puasnya," katanya.

Menjadi raja buah, durian digemari oleh kebanyakan lapisan masyarakat di negara ini.

Kulit luarnya yang berduri tajam pula biasanya berwarna hijau, hijau keperangan hingga kuning keperangan.

Pada permukaan kulit, terdapat empat hingga lima garisan pangsa yang sering dijadikan panduan untuk mengopek buah durian.

Bagi memberi peluang kepada orang ramai menikmati buah durian sepuas-puasnya pada harga yang wajar telah mendorong Dusun Bok 8000 untuk menawarkan bufet durian di dusun tersebut.

Pengurus Dusun Bok 8000, Zaidi Nordin, 49, berkata, tidak dinafikan harga durian yang dijual di pasaran kini harganya boleh dikatakan agak tinggi.

Jelasnya, bagi mereka yang gemar akan keenakan buah durian mungkin terpaksa berbelanja sejumlah wang yang besar bagi menikmati raja buah tersebut.

"Oleh itu, bagi memberi kepuasan kepada penggemar buah durian ini, kami mengambil keputusan untuk menawarkan bufet durian di dusun ini.



SATU keluarga kelihatan menikmati durian bersama-sama di satu ruangan makan khas di Dusun Bok 8000, Jitra, Kedah.

"Dengan hanya RM50 seorang, mereka boleh menikmati beberapa jenis buah durian di dusun ini sepuas-puasnya," katanya yang memberitahu bayaran RM30 dikenakan kepada kanak-kanak di atas 10 tahun dan percuma bagi bawah 10 tahun.

Tambahnya, pengajuran bufet durian tersebut baru kali pertama diadakan di dusun itu pada tahun ini.

Pada tahun-tahun sebelumnya, buah durian di dusun tersebut tidak dijual sebaliknya dinikmati oleh keluarga Zaidi sahaja atau mereka mengadakan kenduri dengan menjamu penduduk setempat dan sahabat-handai menikmati durian di dusun tersebut.

Jenis durian

Dusun Bok 8000 terletak di FELDA Guar Napi dan perjalanan untuk ke situ dari pekan Jitra adalah sekitar 15 minit, manakala dari Alor Setar adalah sekitar 30 minit.

Zaidi menjelaskan, dusun tersebut adalah peninggalan orang tuanya dan kini diusahakan secara bersama dalam kalangan adik-beradiknya. Nama Bok itu merujuk kepada gelaran arwah bapanya dan 8000 adalah angka plat kenderaan ahli keluarga mereka.

Zaidi menjelaskan, keseluruhannya terdapat 300 pokok durian di dusun tersebut. "Dusun ini berkeluasan 4

hektar dan terdapat lebih 10 jenis pokok durian yang ditanam. Antara durian itu termasuklah udang merah, D99, D88, 1010, monthong dan lain-lain lagi.

Pokok-pokok durian jenis ini kesemuanya telah berbuah dan boleh dinikmati hasilnya. Bagi durian jenis musang king dan duri hitam pula ia baru saja ditanam pada tahun lalu dan masih belum membuahkan hasil.

"Durian udang merah misalnya, jika di pasaran, harganya sekitar RM30 untuk satu kilogram. Jika ambil dua biji mungkin harganya lebih daripada RM100. Tetapi di dusun ini, dengan hanya RM50 seorang, mereka boleh menikmati durian, bukan satu jenis, sebaliknya bermacam-macam jenis," katanya.

Tambahnya, selain dimakan begitu sahaja, dusunnya juga menyediakan pulut untuk dinikmati bersama durian. Kebiasannya pokok durian di dusun tersebut akan berbuah pada bulan Jun sehingga Ogos.

Purata buah yang gugur sehari adalah sekitar 450 hingga 500 biji.

Menurutnya, pengunjung yang hadir juga boleh mengutip buah-buah durian yang gugur jika mereka ingin merasai pengalaman tersebut.

Menyentuh mengenai cabaran dalam mengusahakan dusun durian itu, Zaidi berkata, serangan penyakit dan ancaman binatang liar seperti monyet boleh merosakkan pokok-pokok durian.

Dalam pada itu, Zaidi menjelaskan, sambutan yang diterima dusunnya yang berkonsep bufet amat baik. Tegasnya, walaupun tahun ini baru pertama kali diadakan konsep sedemikian, sambutan yang diterima oleh penggemar raja buah itu amat di luar jangkaan.

"Ada pelanggan yang datang dari Kuala Lumpur dan Pulau Pinang semata-mata untuk menikmati durian di sini," ujarnya.



ZAIDI



MUHAMMAD FADZIL FAIZ



NURUL FAIZAH

RENCANA UTAMA

Dusun durian sebagai produk pelancongan

APABILA tiba musim durian, premis-premis menjual durian dan dusun-dusun buah itu menjadi antara destinasi tumpuan peminat raja buah tersebut bagi mendapatkan durian yang segar dan berkualiti.

Maka tidak hairanlah juga ada sesetengah masyarakat negara ini yang sanggup memandu jauh semata-mata untuk pergi ke dusun durian di ceruk-ceruk kampung apabila tiba musim buah tersebut.

Pensyarah Rekreasi dan Ekopelancongan Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Siti Suriawati Isa berkata, buah durian kini dilihat menjadi satu tarikan pelancongan dan ramai pelancong asing sanggup datang ke Malaysia untuk merasai sendiri keenakannya.

"Kita lihat pelancong dari China terutamanya, mereka sanggup melancong ke Malaysia untuk menikmati buah durian.

"Dengan perkembangan ini, pendapatan pengusaha-pengusaha durian akan meningkat apabila tibanya musim durian berbuah," katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Selain daripada penjualan atau menikmati durian berkonsepkan bufet di dalam dusun, pengusaha-pengusaha dusun juga boleh mengambil inisiatif menambah pendapatan mereka dengan menawarkan perkhidmatan bermalam dan mengutip buah durian yang gugur di dusun mereka.

Siti Suriawati berkata, dusun durian amat berpotensi menjadi satu produk pelancongan.

"Pemilik dusun boleh menawarkan perkhidmatan seperti *pick your own fruits* atau bermalam di dusun bagi menunggu buah durian gugur kerana ia akan memberi pengalaman baharu kepada mereka yang belum pernah merasainya.

"Aktiviti *pick your own fruits* ini sangat terkenal di negara-negara Barat. Sebagai contoh di New Zealand, pengunjung boleh memetik sendiri buah seperti ceri, plum dan pic," katanya.

Tambahnya, dia melihat beberapa dusun di Malaysia terutamanya di kawasan Balik Pulau, Pulau Pinang telah memulakan konsep pelancongan sedemikian dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelancong tempatan.



SITI SURIAWATI

INFO Durian

- Merupakan buah-buahan tropika yang banyak ditanam di Thailand, Malaysia dan Indonesia
- Isi durian dilindungi oleh kulit yang berserat dan berduri
- Datang dengan saiz dan bentuk yang pelbagai. Buah durian boleh mencapai ukuran sehingga 18 sentimeter (sm) lebar, manakala 20 hingga 32sm panjang bergantung kepada jenis buah tersebut

Dusun Bok 8000

Lokasi: FELDA Guar Napi, Jitra
Facebook: Dusun Bok 8000



BUAH durian yang gugur akan dikutip untuk santapan pengunjung.

LAMAN
GLOBAL

SEBAHAGIAN peserta *agro-bootcamp* bersemangat mempelajari pertanian secara lestari di Tori-Bossito, Benin baru-baru ini. — AFP



Kem bimbingan anak muda 'kenali' pertanian

DENGAN memegang bilah parang dan memakai topi jerami di bawah terik sinar mentari, para peserta *agro-bootcamp* di ladang-ladang di Afrika Barat itu menuai jagung, kacang mata hitam atau lebih dikenali sebagai 'cowpea' dan padi.

"Potong di pangkal pokok," kata Oluwafemi Kochoni, seorang guru pertanian organik yang mengendalikan bengkel bagi melatih usahawan-usahawan muda menjadi pengusaha pertanian lestari pada masa hadapan.

"Biarkan tumbuhan itu di situ. Nanti kita akan kembunya, ia akan menyebarkan kembali tanah pertanian," tambahnya.

Ia merupakan nasihat awal kepada petani-petani baharu. Program di Tori-Bossito di luar ibu kota Cotonou, Benin itu adalah bagi mengajar asas-asas pertanian khususnya bagi mereka yang telah terlupa atau tidak mengetahui cara berbakti kepada tanah.

Di Benin, negara miskin yang berjiran dengan gergasi minyak, Nigeria, kira-kira 80 peratus daripada 11 juta rakyatnya bergantung kepada sektor pertanian sebagai mana laporan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kebanyakan petani itu yang bekerja sebagai sara hidup mengusahakan tanaman di atas tanah-tanah lot kecil yang kekurangan infrastruktur dan terdedah kepada banjir, sekali gus berdepan ancaman kemusnahan hasil tanaman dan stok benih. Itu merupakan cabaran utama bagi sektor pertanian di negara itu, menurut FAO.

Namun, *agro-bootcamp* iaitu nama yang dipinjam daripada kem latihan intensif tentera Amerika Syarikat yang giat diusahakan di pinggir kota di Benin itu menumpukan matlamat yang lain.

Agro-bootcamp yang disertai oleh peserta-peserta dari pelbagai negara di Afrika Barat itu diwujudkan sebagai langkah besar untuk menyemarakkan keperluan kepada industri pertanian di rantau terbabit ekoran dua pertiga tanahnya terbazir tanpa diusahakan sehingga mereka mengimport makanan berjumlah AS\$64.6 bilion (RM266.74 bilion) setahun, menurut Bank Pembangunan Afrika.

Dalam kem itu, para peserta membayar yuran sebanyak AS\$45 (RM186) seminggu bagi mempelajari teknik pertanian lestari, mengikuti kursus pemasaran dan mencipta rangkaian dengan usahawan agro yang berjaya.

Program *agro-bootcamp* itu yang diusahakan di atas tanah seluas 3 hektar dipinjamkan oleh pemilik tanah di situ dengan pertukaran sebakul sayuran seminggu.

Di ladang itu juga terdapat tumbuhan-tumbuhan subtropika seperti moringa dan rumput yang ditanam bertujuan menstabilkan kesuburan tanah.

Terdapat juga kolam ikan dan satu kawasan yang ditanam cendawan di situ.

Di sebalik skim ini ialah *Gardens of Hope*, sebuah organisasi serantau yang mempromosikan pertanian secara mampan.

Salah seorang peserta,

Rachidi Idrissou, seorang pelajar agronomi dari Benin berkata: "Sebelum ini kalau kita menerima bimbingan petani biasa, nasihat yang lazimnya adalah berasaskan penggunaan bahan kimia.

"Hasilnya memang cepat dituai, tetapi ia bukan suatu bentuk pertanian lestari yang dapat memelihara kesuburan tanah," ujarnya.

Benin merupakan sebuah negara berpenduduk muda yang ramai di mana hampir dua pertiga daripada warganya berumur bawah 25 tahun.

Tidur di khemah

Justeru, *agro-bootcamp* juga adalah salah satu solusi bagi kemelut persaingan pencarian pekerjaan dalam kalangan golongan muda apabila mereka disedarkan bahawa pekerjaan alternatif sebagai petani juga boleh mencapai kejayaan.

Seramai 25 peserta menyertai *agro-bootcamp* kali ketiga ini dengan kebanyakannya lelaki dari lapan negara berbeza tetapi berkongsi visi sama berhubung kaedah pertanian dan ekologi lestari.

Dalam kem itu, mereka tidur di khemah-khemah dan mengikuti aktiviti dari subuh sehingga lewat senja.

"Kami percaya ini juga dapat menyelesaikan masalah pekerjaan di negara-negara terbabit. Anak-anak muda mesti 'mencipta' perniagaan mereka dengan kesedaran tentang ekologi iklim," kata penyelaras kem, Tanguy Gninkobou.

Menurutnya, seramai 85 orang telah mengambil

bahagian dalam dua *agro-bootcamp* sebelum ini dengan 10 daripadanya telah melancarkan aktiviti pertanian baharu setelah pulang ke kampung halaman.

Hal ini kerana pihaknya membina rangkaian sosial yang baik di antara para peserta dan penganjur dengan memberikan sokongan untuk mereka mengembangkan ladang dan perniagaan kecil mereka.

Dengan menyemarakkan kembali aktiviti pertanian ini diharapkan bilangan penghijrahan anak-anak muda ke bandar-bandar dapat dikurangkan.

Kochoni berkata, pada mulanya, program ini adalah alternatif kepada pertanian konvensional iaitu untuk kembali kepada kaedah pertanian zaman dahulu dengan lebih mengormati alam sekitar.

"Kemudian ia berkembang sehingga menjadi suatu cara hidup dan falsafah. Selepas mengadakan kem di Benin ini, kami merancang untuk mengadakan lebih banyak kem di Chad dan Ivory Coast," jelasnya.

Sementara itu, seorang peserta yang juga pegawai kerajaan dari Mauritania, Cheikh Amadou Bass berkata, dia memiliki sebidang tanah seluas lima padang bola sepak di kampung halamannya.

Impiannya untuk melihat rakan-rakannya tidak meninggalkan negara untuk mencari kehidupan baharu di tempat lain, sebaliknya berbakti di atas tanahnya.

"Dengan alam semula jadi, anda sebenarnya mempunyai segala-galanya di hujung jari," ujarnya. — AFP